

# Jasa Pak Khir tak ternilai

Menteri paling lama berkhidmat enggan terima pingat hingga bersara

## Belasungkawa

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

**T**ANGGAL 19 November terakam kisah duka dalam lipatan sejarah negara apabila kembalinya ke Rahmatullah bekas pemimpin veteran Umno, Tan Sri Mohd Khir Johari.

Pemergian Allahyarham pada usia 83 tahun kerana sakit tua di rumahnya di Suasana Sentral, dekat sini pada jam 10.30 pagi adalah suatu kehilangan kerana peranan dan jasanya kepada negara dan Umno yang baru dua hari selesai mengadakan Perhimpunan Agung.

Allahyarham yang mesra dengan panggilan Pak Khir dilahirkan pada 29 Januari 1923 di Kampung Kancut, Alor Star, Kedah.

Beliau pernah menjawat beberapa jawatan penting dalam Umno termasuk Setiausaha Agung serta anggota Kabinet paling lama berkhidmat iaitu sejak 1950-an sebelum bersara pada 1983.

Mendapat pendidikan peringkat menengah di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Star, Allahyarham memulakan perkhidmatan sebagai Pembantu Menteri di Kementerian Perdagangan dan Industri pada 1956.

Allahyarham kemudian memegang jawatan menteri di beberapa kementerian seperti Menteri Pelajaran (1957-1959/1965-1968), Menteri Perdagangan dan Industri (1960-1962/1969-1971/1972), Menteri Pertanian dan Koperasi (1963-1964), memangku Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (1969-1971) dan Menteri Tanpa Portfolio (1973).

Allahyarham yang menjadi Ahli Parlimen Kedah Tengah (1955-1974) dan Ahli Parlimen Kuala Muda (1974-1982) pernah menjadi Duta Malaysia di Amerika Syarikat (1973-1976) dan Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (1975-1976).

Pembabitannya dalam politik bermula pada usia 23 tahun dengan menyertai Seberkas pada 1946 dan lima tahun kemudian menyertai Umno dan sebelum memegang jawatan Se-

tiausaha Agung Umno.

Peranan dan sumbangan besarnya kepada Umno termasuk ketika Datuk Onn Jaafar keluar dari parti itu. Allahyarham bersama Tun Abdul Razak dan Tun Saadon Zubir – yang digelar tiga serangkai – menjaga parti keramat itu hingga Tunku Abdul Rahman Putra menjadi Yang Dipertua Umno pada 1952.

“Ketiga-tiga mereka saling hormat menghormati dan sebab itu tiada di kalangan mereka mahu mengepalai Umno kerana usia dan peranan mereka hampir sama.

“Dengan bantuan Datuk Melan Abdullah selaku Pengarah akhbar *Majlis* ketika itu akhirnya berjaya memujuk Tunku Abdul Rahman meletakkan jawatan sebagai Timbalan Pendakwa Raya untuk bertanding dan akhirnya menang jawatan Yang

Dipertua Umno walaupun dicabar seorang pemimpin dari Perak,” kata veteran Umno, Tan Sri Abdul Aziz Tapa.

Allahyarham dikagumi rakan dan lawan kerana sikapnya yang enggan menerima sebarang pingat atau darjah kebesaran negara sehingga bersara.

Allahyarham dikurniakan darjah kebesaran Panglima Mangku Negara (PMN) yang bergelar Tan Sri pada Jun 1986 serta Darjah Datuk Paduka Seri Setia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah yang membawa gelaran Datuk Paduka pada 1997.

Pak Khir juga pernah menjadi Presiden Institut Pengarah-Pengarah Malaysia dan Ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN II) (1999).

Sehingga akhir hayatnya, Allah-

yarham bukan saja dikenali sebagai pejuang bangsa dalam Umno dan kerajaan, malah banyak berjasa dalam bidang sukan dan alam sekitar.

Pak Khir dikenali sebagai Bapa Kiwanis bagi sesetengah orang kerana memperkenalkan Methodist Afternoon School Boys Association (MASOBA) dari Amerika Syarikat ke Malaysia.

Beliau yang pernah menjadi Timbalan Presiden Majlis Olimpik Malaysia adalah pengasas permainan sepak takraw yang diadaptasi daripada permainan sepak raga bulatan yang kemudian menjadi permainan popular di rantau ini termasuk Sukan Sea dan Sukan Asia.

Selain Presiden Persatuan Sepaktakraw Malaysia, jawatan lain yang pernah dipegang adalah Presiden Persatuan Badminton Malaysia

(BAM) dan Presiden Persatuan Bina Badan Malaysia.

Pada 1982, Allahyarham menjadi Chef-De-Mission Malaysia ke Sukan Komanwel di Brisbane, Australia.

Selaku Presiden Emeritus Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF) Malaysia, beliau amat mengambil berat terhadap perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar sehingga diberikan Anugerah Kehormat Ahli WWF pada 1999, manakala namanya diabadikan pada sebuah bilik mesyuarat organisasi itu.

Jelas sumbangan Allahyarham sepanjang hayatnya tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Majlis penganjuran berlangsung di pekarangan Masjid Negara mengikut istiadat pembesar negara adalah pengiktirafan tinggi negara terhadap sumbangan dan jasanya. Al-Fatihah.